

**PHYSICAL ELEMENTS IN THE KITAB OF ṬAYYIB AL-IḤSĀN FĪ ṬIBB AL-INSĀN
BY SHEIKH AHMAD AL-FATANI**

**ELEMEN JASMANIAH DALAM KITAB ṬAYYIB AL-IḤSĀN FĪ ṬIBB AL-INSĀN KARYA
SHEIKH AHMAD AL-FATANI**

Kamarul Azuan Shah Mohd Mashuti ⁱ, Azri Bhari ⁱⁱ & Ashrof Zaki Yaakobⁱⁱⁱ

ⁱ Postgraduate Student, Academy of Contemporary Islamic Studies, Universiti Teknologi MARA (UITM). kamarulazuanshah@gmail.com

ⁱⁱ (*Corresponding author*). Associate Professor, Academy of Contemporary Islamic Studies, Universiti Teknologi MARA (UITM). azrib178@uitm.edu.my

ⁱⁱⁱ Associate Professor, Academy of Contemporary Islamic Studies, Universiti Teknologi MARA (UITM). asrof@uitm.edu.my

Received: 4 February 2024

Article Progress
Revised: 20 March 2024

Accepted: 9 April 2024

Abstract	<p><i>During this era of globalization, traditional Malay medicinal knowledge has begun to find its place among researchers and practitioners of modern medicine today. The effectiveness and success of these treatments have become a significant factor in piquing public interest. However, traditional Malay medicine is often focused on and associated with Islamic medical knowledge such as cupping, spiritual healing, and using the Quran as a healing medium. Nevertheless, this aspect remains somewhat isolated for discussion. In the book ‘Ṭayyib al-Iḥsān Fī Ṭibb al-Insān’ by Sheikh Ahmad Fatani, there is a greater emphasis on the physical elements in detail. By extracting all of the physical elements in this book, it explains that Sheikh Ahmad al-Fatani’s treatment approach includes physical methods alongside with few other spiritual methods that he implied in his treatment. This is a philology study that adopts a document analysis method to extract all the physical elements stated in the book. These physical elements are derived from the experiences of earlier Malays and remedies practiced among the community through the ages. The findings of the study highlight several physical elements, including the utilization of herbs for treatment and healing purposes. Animal components are also used in treating physical ailments, such as ivory and animal bile. This study recommends further research on this book and other manuscripts related to Malay medicine.</i></p> <p>Keywords: <i>Physical, Malay, Medicine, Islam, Ṭayyib al-Iḥsān Fī Ṭibb al-Insān.</i></p>
Abstrak	<p><i>Pada era globalisasi kini ilmu perubatan Melayu tradisional sudah mula mendapat tempat dalam kalangan pengkaji dan pengamal perubatan moden pada hari ini. Keberkesanan serta keberhasilan perawatan menjadi salah satu impak yang tinggi dalam menarik minat masyarakat secara khasnya. Namun, perubatan Melayu tradisional sering difokuskan dan dikaitkan dengan ilmu perubatan Islam seperti berbekam, ruqyah dan menggunakan al-Quran sebagai medium perawatan. Walau bagaimanapun, hal ini amat terpercil untuk dibahaskan. Di dalam kitab ‘Ṭayyib al-Iḥsān Fī Ṭibb al-Insān’ karya Sheikh Ahmad Fatani lebih memfokuskan tentang elemen jasmaniah secara</i></p>

terperinci. Objektif kajian bagi mengeluarkan elemen-elemen jasmaniah yang terkandung didalam kitab Ṭibb ini supaya menjelaskan bahawa pendekatan kaedah rawatan yang diketengahkan oleh Sheikh Ahmad al-Fatani melibatkan rawatan bersifat jasmaniah disamping terdapat juga beberapa elemen rohaniah yang di implementasi dalam perawatan. Kajian ini adalah kajian filologi yang mengadaptasi kaedah analisis dokumen bagi mengeluarkan elemen jasmaniah yang dibincangkan didalam Kitab Ṭayyib al-Iḥsān Fī Ṭibb al-Insān. Elemen jasmaniah yang dikeluarkan berdasarkan pengalaman orang Melayu terdahulu dan petua yang diamalkan dalam kalangan masyarakat dari zaman berzaman. Hasil dapatan kajian ialah terhadap beberapa elemen jasmaniah antaranya adalah pengamalan dalam penggunaan herba-herba sebagai bahan perawatan dan penyembuhan. Penggunaan komponen haiwan juga diguna pakai sebagai bahan rawatan bagi penyakit jasmani seperti gading dan hempedu haiwan. Kajian ini mencadangkan agar terdapat kajian lanjutan terhadap kitab ini dan manuskrip-manuskrip lain berkaitan dengan perubatan melayu.

Kata kunci: Jasmaniah, Perubatan, Melayu, Islam, Ṭayyib al-Iḥsān Fī Ṭibb al-Insān.

PENDAHULUAN

Jasmaniah merupakan satu elemen yang dapat diperlihatkan secara nyata melalui mata kasar atau secara fizikal. Elemen ini sudah pasti menjadi kaitan rapat dengan elemen rohaniah. Walau bagaimanapun elemen ini masih dikategorikan sebagai dua elemen yang jauh berbeza dalam dunia perubatan. Pada dasarnya, elemen perubatan Melayu sebenarnya merangkumi elemen rohaniah dan jasmaniah, kedua-dua elemen berkenaan adalah berkait rapat antara satu sama lain. Jasmaniah adalah elemen yang dapat diperlihatkan secara nyata melalui mata kasar manakala elemen rohaniah pula adalah aspek-aspek yang dikeluarkan daripada sumber Al-Quran, hadis dan pandangan ulama. Namun, kedua-dua aspek tersebut telah dipisahkan dan dilihat sebagai dua elemen yang jauh berbeza dalam dunia perubatan (Aspalilah Alias et al.,2021). Apabila membincangkan tentang perubatan Melayu dan Islam, sering kita menganggap perawatan ini hanya membawa kepada elemen spiritual semata namun di dalam kitab *Ṭayyib Al-Iḥsān Fī Ṭibb Al-Insān* memberikan fokus kepada elemen jasmaniah bagi merawat penyakit luaran dan dalaman seperti penyakit-penyakit yang semakin meluas pada zaman ini.

Umum menganggap, perubatan hanya melibatkan proses menyembuhkan bahagian luaran atau zahir sahaja adapun merawat rohani juga merupakan /proses perubatan yang turut berjalan seiringan. Perawatan dimulakan melalui elemen jasmaniah yang kemudiannya membawa kepada penyembuhan rohaniah. Jika kita menonton tayangan kisah di layar rumah bertemakan empayar pemerintahan dinasti di Korea, pasti kita akan disajikan dengan kaedah-kaedah perubatan tradisional yang diselitkan dalam drama tersebut. Penggunaan jarum akupunktur, campuran herba dalam minuman sebagai ubatan dan penggunaan akar tumbuhan dalam masakan antara kedah perubatan yang biasa dilihat dalam drama berunsur sejarah tersebut. Ketelitian dalam menyampaikan ilmu perubatan juga dapat dilihat dalam penyediaan nota tambahan dalam tayangan yang dibuat bagi menerangkan terma perubatan tertentu. Pendekatan sebegini merupakan salah satu usaha mereka memelihara ilmu perubatan budaya mereka. Keadaan ini bukan sahaja menambahkan pengetahuan kepada rakyat mereka tetapi juga dapat memberi info yang berguna kepada penonton di seluruh dunia (Siti Aishah Razi et al.,2021).

Kewujudan manuskrip Melayu yang berkaitan ilmu perubatan sudah menunjukkan kehebatan masyarakat Melayu pada zaman dahulu dalam menguasai ilmu tersebut. Penyebaran dan pendedahan ilmu perubatan Melayu perlulah diteruskan oleh semua lapisan masyarakat agar dapat dijadikan sebagai teras panduan dalam ilmu perubatan Melayu (Ahmad Faisal et al., 2008). Pendekatan kaedah rawatan melalui pelbagai elemen merupakan suatu perkara yang tidak asing lagi pada zaman kini kerana

ianya sudah menjadi kebiasaan masyarakat mengamalkannya sebagai norma-norma harian. Keunikan dalam perubatan melayu memberi penekanan kepada elemen jasmaniah sebagai proses perawatan. Pendekatan elemen ini disebabkan oleh pengaruh agama Islam yang menjadi anutan sebahagian besar masyarakat Melayu. Ilmu berkaitan perubatan yang diperolehi daripada kitab-kitab perubatan Melayu yang dipadankan mengikut keadaan semasa agar menjadi panduan masyarakat Melayu pada zaman dahulu bagi mengubati penyakit seiring tuntutan al-Quran dan Sunnah (Yusmilayati et al., 2016).

SALASILAH KITAB *ṬAYYIB AL IḤSANĪ ṬIBB AL INSAN*

'Pembuka Mata Hati pada Bicara Mengubati' merupakan judul dalam bahasa Melayu yang diberikan ke atas kitab *Ṭibb* ini. Kitab ini telah diterbitkan oleh Khazanah Fataniyyah pada cetakan kedua tahun 2018. Manuskrip asal kitab ini telah selesai dikarang oleh Sheikh Ahmad Al-Fatani atau nama sebenarnya Sheikh Wan Ahmad ibn Muhammad Zayn ibn Mustafa Al-Fatani pada waktu dhuha bersamaan 1312H/1894M. Kitab ini sememangnya memfokuskan perbincangan tentang ilmu perubatan Melayu lama atas kepakaran beliau dalam bidang ini kerana Sheikh Ahmad Al-Fatani berlatarbelakangkan bidang perubatan.

Kitab ini disusun atur dengan baik dan rapi oleh perumi kitab ini iaitu Dr. Mohd Affendi Mohd Shafri agar mudah difahami oleh masyarakat umum dan pengkaji manuskrip asal kitab ini. Kandungan buku ini sememangnya diterjemah penuh daripada kandungan manuskrip asal yang merangkumi kata-kata penghantar, pendahuluan, latar belakang ringkas Sheikh Ahmad Al-Fatani, pengenalan isi kitab, *fasal-fasal* kitab yang mempunyai 14 *fasal* tentang *akhlāt* (unsur cecair dalam badan), *mizaj* (merupakan gabungan empat unsur yang ada pada diri setiap manusia iaitu tanah, air, api dan angin), alamat penyakit, diagnosis penyakit, cara merawat penyakit serta segala penyakit yang berada dari hujung kepala sehingga hujung kaki (Mohd Affendi, 2018).

Fasal pertama kitab membahaskan tentang sebab berlakunya sesuatu penyakit yang dipengaruhi oleh *akhlāt* dan *mizaj*. *Fasal* kedua pula menceritakan tentang bacaan denyutan nadi dipengaruhi oleh keadaan cairan di dalam badan seperti *sawda* (darah), *balgham* (kahak) dan *safra* (hempedu). *Fasal* ketiga pula menerangkan tentang cara mengenalpasti penyakit melalui keadaan air kencing seperti warna dan tekstur cecair tersebut manakala *fasal* keempat menerangkan tentang kenalpasti penyakit selain daripada kaedah bacaan nadi dan air kencing. *Fasal* kelima menerangkan tentang bahan yang boleh meredakan kesan daripada setiap *khilt* (campuran) dan *akhlāt* seperti ubat yang bersifat sejuk basah seperti buah *inab* (anggur) dan *khas* (salad). *Fasal* keenam membincangkan tentang klasifikasi ubatan seperti ubat yang merawat dan ubat yang mengandungi racun dan yang ketujuh membicarakan tentang perkara yang wajib diketahui dan dikuasai oleh tabib atau perawat. Antaranya adalah rawatan bagi memecahkan sesuatu penyakit dengan menggunakan kaedah ubatan yang berunsur panas dan menggunakan air suam sebagai minuman dan mandian semasa sakit. Setiap *fasal* menyatakan permasalahan penyakit bersertakan kaedah merawatnya sekali. *Fasal* kelapan sehingga *fasal* kedua belas membahaskan tentang penyakit yang berada di setiap anggota kepala sehingga anggota kaki manakala *fasal* ketiga belas menerangkan tentang penyakit yang boleh berada di mana-mana bahagian anggota seperti angin dan strok (Wan Ahmad Muhammad Zain, 2018).

Akhir penulisan pada *fasal* ke 14, Sheikh Ahmad Al-Fatani ada meninggalkan nasihat dan saranan untuk diamalkan sebagai penjagaan kesihatan diri. Penjagaan makan dan minum adalah salah satu aspek yang ditekankan kerana perut adalah punca berlakunya segala penyakit. Penulis kitab juga berharap agar ilmu perubatan ini sentiasa diaplikasikan sepanjang hayat dan menjadikannya sebagai kajian yang berterusan agar ilmu ini diperluaskan dari zaman berzaman.


ELEMEN JASMANIAH

Penggunaan elemen jasmaniah di dalam kitab *Ṭayyib Al-Iḥsān Fī Ṭibb Al-Insān* merupakan elemen yang sudah menjadi amalan kebiasaan masyarakat kita pada hari ini. Setiap

elemen jasmaniah yang dinyatakan di dalam kitab ini sering diguna pakai dalam proses perubatan Melayu lama ataupun perubatan moden bagi mendapatkan kesembuhan dalam merawat penyakit. Walaupun secara amnya elemen ini dapat dilihat secara mata kasar namun hakikatnya elemen ini menyentuh secara keseluruhan elemen jasmaniah dan rohaniah. Hal ini kerana setiap elemen yang dinyatakan mampu memberi impak yang tinggi ke atas anggota badan manusia secara zahir dan batin (Monaliza et al., 2014).

Setiap elemen yang digunakan adalah berbeza ke atas setiap penyakit dengan melalui kaedah yang bersesuaian dengan keadaan penyakit agar kaedah yang digunakan mampu memberikan kesembuhan. Terdapat elemen yang digunakan bagi mengeluarkan penyakit daripada badan seperti berbekam membuang keladak darah akibat penyakit dan terdapat juga elemen yang menghilangkan atau mematikan penyakit tersebut dengan meminum ramuan khas bagi mematikan kuman atau bakteria penyebab penyakit dalam badan. Kesemua elemen ini digunakan bagi memastikan penyakit yang di hadapi oleh pesakit mampu disembuhkan secara keseluruhannya (Mohd Rushdan, 2020).

Terdapat sembilan elemen jasmaniah yang dinyatakan di dalam kitab ini adalah seperti berikut:



Rajah 1 : Senarai Elemen Jasmaniah

Terdapat sembilan elemen jasmaniah yang diperolehi oleh pengkaji melalui penelitian dan semakan bersama pakar manuskrip. Setiap aspek yang diperolehi berdasarkan kalimah serta pendekatan yang digunakan dalam kaedah perawatan dan kaedah penulisan. Penulis melakukan ringkasan dengan memaparkan potongan teks yang mengandungi aspek rohaniah serta keterangan bagi memberikan kefahaman kepada setiap pembaca seperti rajah di bawah :

Bil	TEKS KITAB	ELEMEN	KETERANGAN
1.	<p><i>(Merawat batuk dan buasir).</i></p> <p><i>Mengekali makan minyak samn (minyak sapi) menghilangkan batuk dan basur (haemorrhoids/buasir)</i></p>	Makan	<ul style="list-style-type: none"> - Menurut kitab ini, bahan-bahan yang dimakan kebiasaanya akan dicampur dengan bahan lain terlebih dahulu sebelum ditelan, dikunyah atau dimamah. - Daripada Abu Hurairah RA, bahawa Nabi SAW bersabda: <i>“Allah tidak menurunkan sesuatu penyakit melainkan diturunkan bersamanya penawar.”</i> (Hadis. al-Bukhari, No. 5678)

	<i>dan aman daripada segala racun. Demikian makan bawang putih (Wan Ahmad Muhammad Zain, 2018).</i>		<ul style="list-style-type: none"> - Daripada Anas bin Malik RA, bahawa Nabi SAW bersabda: <i>"Sesungguhnya Allah ketika menciptakan penyakit, diciptakan juga penawar. Maka berubatlah kamu."</i> (Hadis. Muslim, No. 2204) - Daripada Abu Hurairah RA, bahawa Nabi SAW bersabda: <i>"Nabi melarang daripada berubat dengan ubat yang kotor."</i> (Hadis. Abu Daud, No. 3870)
2.	<p><i>(Rawatan bagi penyakit mengantuk yang bersangatan).</i></p> <p><i>Tiada tersembunyi bahawasa minum shāhī (teh) yang hijau membawa kepada berjaga pada sesetengah orang (Wan Ahmad Muhammad Zain, 2018).</i></p>	Minum	<ul style="list-style-type: none"> - Meminum sesuatu cecair melalui meneguk atau menelan cecair seperti susu dan air rebusan campuran herba. - Daripada Abdullah RA, beliau berkata, <i>"Rasulullah SAW bersabda, air zamzam tergantung pada tujuan ia diminum"</i> (Hadis. Ibnu Majah, No. 3062) - Aishah mengatakan, <i>"Rasulullah SAW membawa air zamzam pada bejana dan qirbah (tempat air daripada kulit) serta menuangkan pada orang yang sakit dan memberikan mereka minum"</i> (Hadis. at-Tirmidzi, No. 970). - Allah SWT berfirman: <i>"Hantamkanlah kakimu; inilah air yang sejuk untuk mandi dan untuk minum".</i> (al-Quran. Sad : 42)
3.	<p><i>(Rawatan bagi penyakit sakit kepala panas).</i></p> <p><i>Apabila diulikan hinnā (inai) dengan cuka yang amat masam, diciumkan dia dan dibarutkan kepala dengan dia, nescaya memberi manfa'at (Wan Ahmad Muhammad Zain, 2018).</i></p>	Cium	<ul style="list-style-type: none"> - Menghidu atau menyedut sesuatu melalui rongga hidung seperti aroma asap wangian atau bau air mawar. - Ibnu Umar membakar wangian ini dengan haruman yang tiada campuran serta dengan kafur (tumbuhan) yang dicampur kemenyan, kemudian beliau berkata: <i>"Seperti inilah Rasulullah SAW beristijmar (membakar wangian)."</i> (Hadis. Muslim, No. 2254) - Sabda Nabi SAW : <i>"Sebaik-baik wangian adalah minyak kasturi".</i> (Hadis At-Tirmizi, No. 991) - 'Al-Qanun fi al-Tibb' atau 'Canon of Medicine', Ibnu Sina menjelaskan pati minyak esensial dan aroma tumbuh-tumbuhan dapat digunakan secara ekstensif dalam mempraktikkan aromaterapi (Avisenna, 980-1037 CE). Kitab Canon of Medicine juga merupakan salah satu dari ratusan buku perubatan yang secara khusus membahas mengenai air mawar (Usha Müller,2020).
4.	<p><i>(Rawatan penyakit shaiqah (migrain)).</i></p> <p><i>Minum air daun rijlah (common purslane) atau daun bilam dan barut dengan dia jika jadi daripada panas (Wan Ahmad Muhammad Zain, 2018).</i></p>	Balut	<ul style="list-style-type: none"> - Membungkus atau membalut sesuatu kawasan anggota seperti menggunakan daun atau kain. - Ibnu Ishaq meriwayatkan, <i>"Khubaib bin Abdurrahman bercerita kepadaku bahwa Khubaib bin Adi tertebas pedang pada saat perang Badar hingga tubuhnya miring sebelah. Namun kemudian Rasulullah meludahi lukanya, membungkus, dan mengembalikannya hingga serasi kembali."</i> (Hadis. Al-Baihaqi. No. 3/97).

5.	<p><i>(Rawatan Penyakit lupa).</i></p> <p><i>Minyak zaytūn yang lama dibubuh didalamnya natrūn (sejenis galian daripada Mesir). Apabila dilumur sebelah belakang kepala memberi manfa'at daripada terlupa (Wan Ahmad Muhammad Zain, 2018).</i></p>	Lumur	<ul style="list-style-type: none"> - Menyapu sesuatu kawasan anggota seperti badan dengan bahan-bahan tertentu seperti minyak zaitun atau madu pada bahagian yang perlu dirawat - <i>"Fatimah kemudian datang membersihkan darah dari wajahnya, sedangkan Ali mencucinya dengan air. Setelah dilihat darah tetap mengucur, akhirnya Fatimah mengambil pelepah kering lalu dibakarnya sampai menjadi abu, kemudian abu itu diusapkannya ke tempat luka dan barulah darah berhenti mengalir."</i> (al-Buthi, 1991). - <i>"Sahl berkata, Demi Allah, aku benar-benar tahu siapa yang membasuh luka Rasulullah SWT, siapa yang menuangkan air dan dengan apa mengubati. Fatimah, puteri beliau yang membasuh dan Ali bin Abu Thalib yang menuangkan air. Tatkala Fatimah melihat bahawa basuhan air itu justeru membuat darah beliau semakin mengalir banyak, maka dia menyobek sepotong tikar lalu membakarnya dan menempelkannya di luka beliau, hingga darahnya berhenti."</i> (Shafiyurrahman al-Mubarakfuri, 1976, No.252). - <i>"Papyrus merupakan rumput tumbuhan yang kebiasaannya dijadikan kertas dan ianya bersifat sejuk. Penggunaan papyrus dapat menghentikan pendarahan yang mengalir laju pada luka. Ibnu Sina mengatakan, papyrus baik untuk kudis dan mampu menyembuhkan luka. Al-Bukhari meriwayatkan bahawa ketika salah satu gigi Rasulullah SAW patah, puterinya Fatimah lalu mencari perca tikar. Perca tikar itu lalu dibakarnya sehingga menjadi abu, kemudian abu itu dipercikkannya ke gusi Nabi SAW yang berdarah, dan pendarahan pun berhenti. Tikar yang dimaksudkan di sini adalah tikar yang dihasilkan daripada rumput papyrus kerana abu yang terhasil daripadanya tikar ini jika kering mampu menghentikan pendarahan luka."</i> (Al-Hafiz Al-Dhahabi, 1990: 80).
6.	<p><i>(Rawatan bagi rabun penglihatan).</i></p> <p><i>Bahawa diamkan manisan lebah dan bercelak dengan dia atau dengan za'tar (herba) yang dicampur dengan manisan lebah atau bercelak dengan misk dan ciumnya itu menguatkan penglihatan dan menajamkan dia (Wan Ahmad Muhammad Zain, 2018).</i></p>	Celak	<ul style="list-style-type: none"> - Kaedah yang dikhususkan di bahagian mata sahaja seperti mencelakkan madu atau air liur. - <i>"Dahulu, Rasulullah SAW memiliki celak yang ia pakai menjelang tidur, sebanyak tiga kali pada masing-masing matanya,"</i> (Hadis Ahmad. No. 3497). - <i>"Bercelaklah kalian dengan itsmid kerana ia dapat mencerahkan penglihatan dan menumbuhkan bulu mata."</i> (Hadis Ibnu Majah, No. 3495) - Ibnu Abbas menyakini bahawa Nabi Muhammad mempunyai tempat celak mata yang digunakan setiap malam. Tiga calitan di sebelah mata dan tiga calitan di sebelah mata yang lain." (Hadis al-Tirmizi, no. 1757) - Menurut para ulama, bercelak dengan itsmid memiki beberapa manfaat. Ia berkata,

			<p>"Bercelak dapat menjaga kesihatan mata, menguatkannya di samping memperjelaskan pandangan serta melunakkan dan mengeluarkan kotoran mata" (Ibnu Qayyim, 2021)</p>
7.	<p>(Rawatan penyakit sendi lutut).</p> <p>Penyakit Milh al-Rakib iaitu bengkak pada lambung lutut dan kelilingnya. Ubatnya berbekam, ertinya dibuang darah pada lambung lutut itu dan dilumur dengan martik (sejenis rumput) dan cuka dan ditinggalkan makanan yang kasar-kasar (Wan Ahmad Muhammad Zain, 2018).</p>	Bekam	<ul style="list-style-type: none"> - Kaedah mengeluarkan darah kotor daripada lapisan kulit dengan cara membedah sedikit di bahagian anggota tertentu. - Daripada Ibnu Abbas RA, telah bersabda Rasulullah SAW : "Kesembuhan dari penyakit itu adalah dengan melakukan tiga perkara iaitu berbekam, minum madu dan dibakar dengan besi panas. Tetapi aku melarang umat ku membakar dengan besi panas itu." (Hadis al-Bukhari, No. 961). - Daripada Ibnu Abbas r.a., katanya: "Nabi saw. pernah berbekam, padahal beliau sedang puasa." (Hadis. Al-Bukhari, No. 5694). - Daripada Ibnu Abbas RA, ketika Rasulullah SAW sedang berihram, beliau berbekam di kepalanya, kerana beliau menderita sakit kepala. (Hadis Al-Bukhari, No. 5700). - Daripada Saidatina Aisyah RA, beliau berkata: "Sesungguhnya Rasulullah SAW kebiasanya mandi kerana empat perkara: 1. Junub 2. Hari Jumaat 3. Berbekam dan 4. kerana memandikan mayat". (Hadis Muslim, No. 2068).
8.	<p>(Rawatan sakit tundung).</p> <p>Maka minum banyak luz (pokok badam) dan diurut dengan dia memberi manfaat pada sakit tundung (kebiasanya berlaku pada wanita hamil) (Wan Ahmad Muhammad Zain, 2018).</p>	Urut	<ul style="list-style-type: none"> - Memicit, menekan atau menggosok-gosok bahagian anggota yang sakit menggunakan tangan bagi mengurangkan kesakitan. - "Letakkan tanganmu pada tempat yang sakit dan bacalah Bismillah tiga kali, lalu bacalah ayat yang bermaksud: "Aku berlindung kepada Allah dan kekuasaanNya dari keburukan yang sedang aku rasakan dan yang aku khawatirkan". (Hadis Muslim. No. 1728).
9.	<p>(Rawatan selsema).</p> <p>Mai'ah iaitu satu bagi daripada getah kayu menegah ia akan nazalāt (selsema) dan zukām (selsema) dan sakit kepala dengan diungkupkan dengan asapnya (Wan Ahmad Muhammad Zain,2018).</p>	Rukup	<ul style="list-style-type: none"> - Mengasapi diri dengan menggunakan asap seperti asap kemenyan yang diperolehi melalui kaedah membakar. - Kaedah ini sama seperti bekam hanya berbeza konsep dan kaedah sahaja iaitu menggunakan asap atau bekam asap. - "Abu Thaibah membekam Rasulullah SAW lalu Baginda SAW membayarnya dengan satu sha' kurma dan Baginda SAW mengarahkan keluarganya untuk meringankan pajaknya" (Hadis Al-Bukhari, No. 2102).

Rajah 2 : Keterangan Elemen Jasmaniah Berdasarkan Teks Kitab

Kaedah perawatan yang digunakan adalah untuk mendapatkan kesembuhan sama ada kesembuhan luaran ataupun dalaman. Setiap kaedah mempunyai kesesuaian tersendiri dan berbeza-beza implimentasi dalam konteks elemen jasmaniah mengikut jenis penyakit

dan keadaan semasa. Walau bagaimanapun setiap elemen yang diketengahkan mestilah bersandarkan al-Quran dan Sunnah meskipun pendekatan *tajribah* sebagai sandaran beberapa kaedah rawatan (Mohd Anuar Mamat, 2017).

KESIMPULAN

Kajian ini memberikan perspektif yang berbeza terhadap perubatan Melayu. Jika sebelum ini perubatan Melayu mungkin dilihat lebih berunsurkan kesejahteraan rohani lantaran pengaruh agama Islam, namun melalui kajian ini menjelaskan perubatan Melayu juga menekankan perawatan luaran atau pendekatan terhadap elemen jasmaniah seperti elemen berbekam dalam menyelesaikan masalah lemah badan. Pendekatan ini diambil dalam kaedah rawatan yang dinyatakan dalam kitab ini sebagai elemen jasmaniah dalam perubatan Melayu.

Elemen jasmaniah yang diketengahkan dalam ilmu perubatan Melayu menunjukkan kehebatan generasi terdahulu dalam mengkaji khasiat alam semula jadi di sekitar alam Melayu yang boleh dijadikan sebagai sumber utama dalam ilmu perubatan. Kaedah-kaedah dan ramuan perubatan yang wujud adalah bersandarkan pengalaman dan pemerhatian mereka keatas sumber alam merangkumi flora, fauna dan selain flora dan fauna. Walau bagaimanapun, keberkesanan kaedah rawatan yang digunakan ini tidak menghalang untuk membina rasa penyerahan kepada Allah SWT selepas segala ikhtiar yang dilakukan. Hal ini menjelaskan perkaitan antara elemen jasmaniah sememangnya suatu perkara yang memberikan impak yang baik dalam perubatan Melayu (Mohd Koharuddin, 2004).

Penulis berharap melalui kajian ini akan adanya lagi kajian yang berterusan terhadap ilmu perubatan Melayu di samping mewujudkan pelbagai usaha dalam menerapkan pengalaman serta kefahaman masyarakat terhadap ilmu perubatan Melayu yang telah diwariskan kepada kita sejak berzaman lagi agar sentiasa di jadikan panduan kepada golongan yang mendatang. Pendedahan dan kajian yang lebih mendalam terhadap ilmu perubatan Melayu bukan bererti cubaan memisahkan perubatan Melayu dengan ilmu perubatan moden pada zaman kini namun ianya ingin dijadikan sebagai kajian yang lebih mendalam supaya ilmu perubatan Melayu mampu menjadi alternatif perawatan yang terbaik dan tidak diragui keberkesananannya secara saintifik (Muhammad Tarmizan Iqmal et al., 2023).

RUJUKAN

Buku

- Abu Dawud, S. (t.t). *Sunan Abu Dawud*. t.pbt.
al-Bukhari, M. I. *Sahih Bukhari*. t.pbt.
al-Buthi, M. S. R. (1991). *Fiqh Sirah Nabawiyah*. Damaskus: Dar al-Fikr.
al-Dhahabi, H. (1990). *Tibb al-Nabawi*. Bayrut: Dar Ihya al-'Ulum.
al-Mubarakfuri, S. (1976). *Al-Rahiq al-Makhtum*. Dar Ihya al-Turath.
al-Rabi, A. 'A. Y. (t.t). *Sunan Ibnu Majah*. t.pbt.
al-Tirmidhi, A. 'I. M. (t.t). *Al-Shama'il Al-Muhammadiyah*. t.pbt.
al-Tirmidhi, A. 'I. M. (t.t). *Jami' Al-Tirmidhi*. t.pbt.
Gimlette, J. D. (2023). *Perdukunan Melayu*. (2nd ed). IBDE Ilham Sdn Bhd.
Mohd Affendi, M. S. (2018). *Kitab Perubatan Melayu Tayyib al-Ihsan Fi Tibb Al-Insan*. (2nd ed). Akademi Jawi Malaysia dengan kerjasama Khazanah Fataniyah.
Muhammad Muhsin, K. (1997). *The Translation of the Meanings of Sahih Al-Bukhari Arabic-English*. Darussalam Publishers and Distributors.
Muslim, H. *Sahih Muslim*. t.pbt.

Dokumen

- Jabatan Agama Islam Perak. (2022, Mac 18). *Kesihatan Buah Pinggang; Tunaikan Hak Terhadap Tubuh Badan*. Teks Khutbah Jumaat.

Jurnal

- Abd Hamid, F. @Ahmad F., & Mohammad, H. (2008). Manuskrip Perubatan Melayu-Islam di Fatani- Ulasan Terhadap Manuskrip Kitab Tayyib al-Ihsan fi Tibb al-Insan Karya Syeikh Ahmad al-Fatani. *Journal of Al-Tamaddun*, 3(1), 110–127. Retrieved from <https://ejournal.um.edu.my/index.php/JAT/article/view/7872>
- Mamat, M. A. (2017). [Malay Manuscript in Islamic Education: A Preliminary Study in The National Library of Malaysia] Manuskrip Melayu dalam Bidang Pendidikan Islam: Suatu Kajian Awal di Perpustakaan Negara Malaysia. *Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari*, 15(1), 61-83. <https://doi.org/10.37231/jimk.2017.15.1.221>
- Mohd Koharuddin, M. B. (2017). Sains Perubatan Naturalistik Melayu : Satu Kajian Awal. *Jurnal Kemanusiaan* 1(2), 2600-755.
- Monaliza, S-Z. Rosnah, M., Radina, M. D. & Haikal, H. Z. (2014). Sinkretisme dalam Amalan Perubatan Tradisional Masyarakat Melayu Sarawak : Penilaian dari Perspektif Islam. *International Journal of the Malay World and Civilisation* 2(1), 77-84.
- Muhammad Tarmizan, I. T., & Husnaida, A. M. (2023). Perubatan Melayu Rentas Zaman. *AMDI Magazine* 4 (2), 2735-041
- Shahla, M., Maryam, K. G., & Ali, G. (2015). Avicenna's Canon of Medicine: A Review of Analgesics and Anti-Inflammatory Substances. *Avicenna Journal of Phytomedicine* 5(3), 182-202
- Siti Aishah, R. & Mohammad, R. (2021). Kepentingan Penyelidikan Kandungan Media Dalam Isu Salah Papar Amalan Perubatan Drama Telenisyen Melayu Tempatan. *Journal of Communication Education* 1(2), 2773-630.
- Yusmilayati, Y., Mohd Yuszaidy, M. Y., Muammar Ghadaffi, H., Mohd Norizam, J. (2016). Kepandaian Orang Melayu dalam Mentafsir Ruang Perubatan Tradisional. *Malaysia Journal of Society and Space*, 12(11), 79-91, 2180-2491.

Laman Sesawang

- Aspalilah, A. & Habibah, I. (2021). Agama Dan Sains : Jangan Ada Pemisah. Bernama. <https://www.bernama.com/bm/tintaminda/news.php?id=1924587> (diakses pada 1 Februari 2024).
- Hengki, F. (2021). Apa Benar Rasulullah Menggunakan Celak Mata? <https://islami.co/apa-benar-rasulullah-menggunakan-celak-mata/> (diakses pada 1 Februari 2024).
- Mohd Rushdan, M. N. (2020). Bekam Dari Perspektif Perubatan Moden. <https://www.minda2tinta.com/2020/07/bekam-dari-perspektif-perubatan-moden.html> (diakses pada 1 Februari 2024).
- Usha, M. (2020). The History of Aromatherapy – Then and Now. Stadler Form. <https://www.stadlerform.com/en/health/aromatherapy/history-of-aromatherapy> (diakses pada 1 Februari 2024).

Seminar & Prosiding

- Salmah Omar, Rafidah Mohammad Cusairi, Shariffah Suraya Syed Jamaluddin & Philip Lepun. (2017). *Penggunaan Tumbuh-Tumbuhan Dalam Perubatan Tradisional Masyarakat Siam Di Negeri Kedah*. Conference UIS, Sosiobudaya, Vol. 3.

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.